

Pemerkasaan dan Pembangunan Komuniti Orang Asli Melalui Ekopelancongan

*Empowerment and Development of Indigenous Orang Asli Communities
Through Ecotourism*

YEW WONG CHIN, SAIFUL FARISIN MD RAMLAN*, SIA MAL KONG & ISMAIL IBRAHIM

ABSTRAK

Lembah Belum merupakan kawasan yang kaya dengan keunikan ekosistem alam dan kepelbagaian spesies flora dan fauna. Selain itu, kawasan ini juga diperkaya dengan adanya kelompok kecil komuniti Orang Asli suku Jahai yang masih kental dengan budaya tradisional. Lembah Belum berpotensi dibangunkan sebagai kawasan tumpuan bagi industri pelancongan yang bersifatkan ekosistem alam dan budaya komuniti setempat. Justeru, kegiatan ekopelancongan turut melibatkan masyarakat dan komuniti setempat yang mempunyai kawalan yang terhadap kegiatan pelancongan secara ketara dan penglibatan secara langsung dalam pembangunan dan pengurusannya yang sebahagian besar manfaatnya kekal dalam masyarakat. Ekopelancongan di kawasan Lembah Belum juga turut meminimumkan kesan negatif terhadap persekitaran alam semula jadi dan sosio-budaya Orang Asli, selain berfungsi untuk menyokong perlindungan kawasan alam semula jadi dengan menjana manfaat ekonomi melalui pendapatan alternatif dan pekerjaan sampingan untuk komuniti setempat. Kajian ini bertujuan untuk meninjau kesan ekopelancongan peribumi (Orang Asli) berdasarkan komuniti Orang Asli di Lembah Belum dan persekitaran hidup mereka untuk menjelaskan pemahaman tentang hubungan yang kompleks antara sektor pelancongan Orang Asli, warisan budaya tradisional dan perlindungan ekologi. Kajian ini menggunakan pendekatan pengumpulan data secara kualitatif, termasuk sesi temu bual separa berstruktur dengan pihak berkepentingan dan anggota komuniti Orang Asli. Hasil kajian mendapati beberapa impak penting dalam kegiatan ekopelancongan di kawasan Lembah Belum antaranya ialah kegiatan ekopelancongan diperkaya melalui pendidikan alam sekitar, ekopelancongan Orang Asli sebagai bentuk kemapanan kehidupan, ekopelancongan mengekalkan warisan budaya Orang Asli setempat. Selain itu, ekopelancongan di Lembah Belum diperkaya dengan ekosistem alam sebagai tarikan kepada kegiatan ekopelancongan dan impak ekopelancongan itu sendiri kepada sosioekonomi komuniti Orang Asli. Pembangunan ekopelancongan di Lembah Belum haruslah menggalakkan penyertaan secara langsung dalam kalangan komuniti Orang Asli selain adanya pembangunan pendidikan untuk mewujudkan kesedaran kepada orang ramai bersama-sama memelihara dan mengekalkan ekosistem di persekitaran alam semulajadi.

Kata kunci: Ekopelancongan; Orang Asli; kelestarian; komuniti; sosioekonomi

ABSTRACT

The Belum Valley has become a region rich in unique ecosystems and a wide variety of flora and fauna species. In addition, this area is also enriched by a small group of Jahai indigenous peoples who are still vibrant with traditional culture. The Belum Valley has the potential to be a focal point for industrial tourism that is a natural and cultural ecosystem of the local community. Thus, ecotourism activities also involve local communities and communities who have significant control over tourism activities and their direct involvement in the development and management of which many benefits remain in the community. Ecotourism in the Belum Valley also minimizes the negative impact on the natural and socio-cultural environment of the Orang Asli, while also working to support the protection of the natural environment by generating economic benefits through alternative income and employment opportunities for the local community. This study aims to study the impact of indigenous tourism based on Indigenous peoples in the Belum Valley and their environment to shed light on the complex relationship between the Indigenous tourism sector, traditional culture and ecological protection. This study used a qualitative data collection approach, including semi-structured interview sessions with stakeholders and members of the indigenous community. The study found several important effects of ecotourism activities in the Belum Valley area such as ecotourism activities enriched through environmental education, indigenous ecotourism as a way of life, ecotourism preserving the indigenous peoples' heritage. The ecology in the Belum Valley is also a benefit to ecotourism as an attraction and to ecotourism as its own activities for the local socioeconomic group. The growth of ecotourism in the Belum Valley has benefited indigenous peoples' livelihoods as well as public awareness-raising initiatives aimed at conserving the ecology and the surroundings.

Keywords: Ecotourism; Orang Asli; sustainability; community; socioeconomic

PENGENALAN

Istilah ekopelancongan muncul sekitar akhir 1980-an sebagai hasil langsung daripada perakuan dunia terhadap amalan ekologi mampan dan global (Diamantis, 1999). Ceballos-Lascurain (1996) menyatakan salah satu definisi ekopelancongan yang paling berpengaruh adalah “perjalanan ke kawasan semula jadi yang agak tidak terganggu atau tidak tercemar dengan objektif khusus untuk mengkaji, mengagumi, dan menikmati pemandangan dan tumbuhan liar serta haiwannya, dan manifestasi budaya komuniti setempat sedia ada yang terdapat di kawasan ini.”. Manakala, penyelidik (Greenwood, 1977; McIntosh, Goeldner & Ritchie, 1995; Mitchell, 1998) menjelaskan bahawa pelancongan adalah gabungan aktiviti yang saling berkait antara tuan rumah dan tetamu (pelancong) yang melibatkan pengendalian dan pengurusan pelancong serta pelawat, yang mengembara atas sebab-sebab yang berkaitan sama ada bagi tujuan rekreasi, pengembaraan, percutian, kesihatan, pendidikan, keagamaan, sukan dan perniagaan. Oleh kerana ekopelancongan telah berkembang dalam populariti, definisinya telah diperluaskan untuk menggabungkan idea-idea mengenai tanggungjawab ekopelancongan, pengurusan destinasi mesra alam, dan pembangunan mampan populasi manusia tempatan (Torquebiau dan Taylor 2009).

Ekopelancongan peribumi juga turut mendapat perhatian di seluruh dunia. Tarikan ekopelancongan peribumi luar negara kebanyakannya turut berorientasikan hubungan antara komuniti peribumi setempat dengan persekitaran. Secara tidak langsung, pendekatan pelancongan berdasarkan komuniti dan alam sekitar mengiktiraf keperluan untuk mempromosikan kualiti hidup komuniti setempat dan pemuliharaan alam. Contohnya, Narok Country Council di Kenya mempunyai bidang kuasa ke atas Taman Negara Masai Mara selain mengelola sumber kewangan melalui tabung amanah yang digunakan untuk membiayai sekolah, kolam lembu dan perkhidmatan kesihatan yang memberi manfaat kepada seluruh komuniti peribumi Masai setempat (Sindiga, 1995). Sementara itu di New Zealand, komuniti Maori menggunakan ekopelancongan sebagai cara untuk menggunakan sumber fizikal dan alam sekitar secara mampan yang membolehkan mereka mencipta peluang pekerjaan kepada komuniti Maori setempat.

Manakala, ekopelancongan di Malaysia turut melibatkan komuniti Orang Asli Semenanjung Malaysia. Persekutuan ekosistem dan kedudukan

geografi petempatan komuniti Orang Asli di Semenanjung Malaysia secara tidak langsung telah membangunkan kegiatan ekopelancongan dalam kalangan komuniti Orang Asli. Badaruddin Mohamed (2002) telah mendokumentasikan potensi besar Malaysia sebagai destinasi ekopelancongan. Kompleks hutan Belum Temengor dianggap sebagai salah satu kawasan semulajadi biodiversiti yang kaya serta mempunyai potensi besar untuk ekopelancongan selain wujudnya komuniti Orang Asli dipersekutaran hutan Belum ditambah dengan budaya setempat yang unik yang menjadi tarikan (Ang dan Chan 2009). Secara tidak langsung, komuniti Orang Asli setempat boleh menyumbang kepada pembangunan ekopelancongan dengan memainkan peranan yang lebih aktif. Mereka mempunyai pengetahuan yang baik tentang hutan tropika, flora dan fauna di persekitaran mereka. Orang Asli turut menggunakan sumber hutan selama bergenerasi selain dapat berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka dengan pelancong dari dalam dan luar negara.

Justeru, kegiatan ekopelancongan dilihat dapat merangsang penglibatan komuniti Orang Asli setempat selain memelihara ekologi alam semulajadi. Komuniti setempat boleh mendapat manfaat langsung daripada peningkatan perkembangan infrastruktur dan kemudahan pelancongan di kawasan persekitaran komuniti kesan daripada pembangunan pelancongan. Hal tersebut boleh membawa kepada peningkatan taraf hidup komuniti peribumi dan meningkatkan kualiti hidup mereka (Singh, Timothy & Dowling 2003). Selain itu, kegiatan pelancongan juga boleh menjadi dorongan kepada identiti dan kebanggaan komuniti peribumi seterusnya menyumbang kepada perlindungan dan pemerkasaan tradisi, adat dan warisan yang mungkin akan hilang (Hashimoto 2002).

EKOPELANCONGAN ORANG ASLI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Menurut Kiper (2013), pemuliharaan dan pemeliharaan persekitaran semula jadi cenderung dianggap sebagai cara hidup tradisional kelompok peribumi. Hal ini biasanya disebabkan tujuan untuk melindungi budaya dan pengetahuan komuniti peribumi, perlindungan diberi kepada lokasi bermulanya persekitaran asal budaya tersebut; tanpa adanya tanah, tidak akan munculnya budaya. Justeru itu, penglibatan komuniti peribumi dalam sektor pelancongan seperti ekopelancongan adalah dengan

tujuan untuk melindungi warisan kebudayaan tersebut yang dinilai sangat berharga dan diingini oleh pihak-pihak berkepentingan lain yang terlibat (Zeppel 2006).

Terdapat banyak projek ekopelancongan berasaskan komuniti berlaku di kawasan terpencil di dunia, kepelbagaiannya ekologi selain berada dalam lingkungan kawasan yang rentan. Justeru, kawasan tersebut dilindungi sekali gus warisan kebudayaan tidak ketara yang dimiliki oleh anggota masyarakat dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Namun, bagaimana potensi ekopelancongan boleh dimanfaatkan sepenuhnya di dalam kawasan yang terpencil selain apakah peranan anggota komuniti yang perlu diambil perhatian untuk mereka laksanakan. Hutan Amazon di Bolivia merupakan salah satu daripada ekosistem persekitaran yang pelbagai dan rentan yang menyaksikan sektor ekopelancongan amat rapat dengan komuniti peribumi tempatan (Stonza & Gordillo 2008).

Hutan Amazon merupakan destinasi utama bagi pelancong untuk mencari pengalaman yang unik dalam persekitaran alam semula jadi dan kebudayaan komuniti setempat yang menarik, di samping membincangkan beberapa kesan pelancongan ke atas komuniti peribumi tempatan di Taman Negara Madidi, Amazon, Bolivia dan penggunaan kearifan pengetahuan mereka serta manfaat penglibatan mereka dalam sektor pelancongan bagi pemuliharaan budaya dan alam sekitar. Dalam hasil kajian Stonza & Gordillo (2008), kearifan pengetahuan peribumi dan kebolehannya digunakan sebagai latar belakang konsep yang lebih konkret untuk menggambarkan unsur-unsur kebudayaan komuniti peribumi agar bersesuaian dengan kegiatan pelancongan berasaskan komuniti.

Seterusnya, sorotan karya kajian turut memperlihatkan beberapa buah kampung Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang telah mengaplikasikan sektor ekopelancongan berasaskan komuniti dan bergerak serta berkembang sehingga boleh menjana kedudukan ekonomi yang memberi manfaat kepada penduduk setempat (Er et al. 2012; Rohayu & Noor Sharipah, 2013; Soijah Likin et al. 2015; Rohayu et al. 2017).

Pelancongan komuniti peribumi atau komuniti Orang Asli di Semenanjung Malaysia merupakan penglibatan komuniti Orang Asli secara langsung melalui tarikan kebudayaan sebagai bentuk kegiatan pelancongan. Pelancongan Orang Asli atau peribumi boleh ditakrifkan sebagai satu bentuk aktiviti pelancongan di mana komuniti Orang Asli terlibat secara langsung sama ada dengan mengawal atau

mempersembahkan kebudayaan mereka sebagai asas tarikan (Rohayu, et al. 2017). Selain itu, konsep ekopelancongan Orang Asli juga merupakan bentuk kegiatan pelancongan yang berasaskan hubungan antara tarikan warisan kebudayaan Orang Asli dengan persekitaran semulajadi Orang Asli.

Hal tersebut disebabkan, komuniti Orang Asli kini tidak lagi mampu bergantung sepenuhnya kepada ekonomi sara diri berasaskan sumber hutan bagi meneruskan kehidupan harian mereka (Zanisah Man & Yeh 2019). Atas faktor Kawasan hutan yang semakin berkurangan, peningkatan penduduk dan sumber makanan yang terhad, ianya menyebabkan sistem ekonomi sara diri seperti mengutip hasil hutan dan memburu haiwan liar tidak dapat dilakukan dengan lebih kerap. Justeru, kegiatan pelancongan setidaknya dapat membuka peluang kepada komuniti Orang Asli untuk memperoleh pendapatan dan pengalaman dalam menguruskan kegiatan sosioekonomi berdasarkan kemahiran dan kebolehan yang mereka miliki (Goodwin 2007).

Pelancongan juga merupakan satu bentuk strategi pembangunan yang mudah dan cepat untuk memperkasa kehidupan dan sosioekonomi komuniti peribumi setempat (Soijah Likin et al. 2015). Kegiatan pelancongan yang melibatkan Orang Asli memberi peluang kepada komuniti itu sendiri untuk berdaya saing dengan berdikari meningkatkan tahap ekonomi mereka, selain dapat memelihara warisan kebudayaan mereka. Menurut kajian Rohayu & Noor Sharipah (2013), kegiatan pelancongan Orang Asli turut melibatkan empat elemen yang berkaitan seperti geografi (habitat), tradisi (warisan), kesan sejarah dan produk kraf tangan. Justeru, keunikan budaya Orang Asli merupakan salah satu tarikan utama dalam kegiatan ekopelancongan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Konsep pengetahuan peribumi juga membayangkan sistem pengetahuan yang digunakan oleh sesetengah komuniti terutamanya masyarakat peribumi dan orang asli. Pengetahuan peribumi (atau *indigenous knowledge* [IK]) merupakan konsep luas yang menggunakan unsur-unsur budaya yang ketara dan tidak ketara, selain menjadi intipati kepada konsep budaya itu sendiri. Tradisi lisan dan pengetahuan tidak dapat dilihat sebagai bentuk pengetahuan yang berada dalam kategori yang berasingan, kerana banyak bentuk penceritaan dan legenda rakyat tempatan yang dilahirkan dari persekitaran sekeliling.

Kearifan pengetahuan tempatan (IK) secara spesifiknya tertumpu kepada lokasi geografi, dilahirkan melalui penghormatan terhadap alam

semula jadi dan diteruskan dari satu generasi ke generasi berikutnya. Semua anggota sesebuah komuniti Orang Asli mempunyai kearifan pengetahuan tempatan (IK) yang tersendiri, tetapi kuantiti dan kualitinya adalah berbeza mengikut faktor-faktor yang berlainan seperti kedudukan, umur, jantina, dan sebagainya. Kearifan pengetahuan tempatan (IK) oleh komuniti Orang Asli digunakan dan diaplikasikan dalam bidang pertanian, memburu, memancing, tujuan perubatan, ramalan fenomena alam, undang-undang, bahasa tempatan dan sebagainya (Grenier 1998; Nakashima 2000).

Pengetahuan tempatan (IK) dijelaskan dan diturunkan dalam bentuk penceritaan dan legenda yang diceritakan oleh generasi yang lebih tua kepada generasi yang lebih muda. Perkongsian secara oral atau lisan menjadikan kearifan pengetahuan tempatan (IK) amat sensitif kepada perubahan seperti berlakunya anjakan atau perubahan dalam kalangan masyarakat atau pergeseran nilai kehidupan atau gaya hidup terhadap sesebuah generasi seiring perkembangan zaman (Grenier 1998).

Memandangkan kearifan pengetahuan tempatan (IK) itu sendiri dipelihara dalam kelompok masyarakat, maka dapat dikatakan bahawa ketahanan dan daya hidup anggota komuniti itu sendiri adalah penting bagi kelangsungan kearifan pengetahuan tempatan. Kepupusan dan kehilangan sumber bahasa dalam sesebuah komuniti juga dapat dilihat sebagai ancaman kepada kelangsungan ilmu pengetahuan yang dipelihara dan diturunkan dalam tradisi lisan (Grenier 1998).

EKOPELANCONGAN PERIBUMI LUAR NEGARA

Ekopelancongan peribumi juga turut mendapat perhatian di beberapa buah negara seperti Indonesia dan New Zealand. Sepertimana konsep ekopelancongan Orang Asli di Semenanjung Malaysia, tarikan ekopelancongan peribumi luar negara juga berorientasikan hubungan antara komuniti peribumi setempat dengan persekitaran.

Ekopelancongan peribumi juga merupakan kegiatan pelancongan yang semakin berkembang pesat di Indonesia. Bambang et al. (2018) menjelaskan, terdapat sekitar 577-660 suku etnik yang menempati keseluruhan wilayah Indonesia. Salah satu pelancongan peribumi yang popular di wilayah Riau ialah ekopelancongan komuniti

Orang Laut. Suku Orang Laut merupakan salah satu suku asli yang terdapat di kepulauan Riau, Indonesia. Orang Laut juga dikenali sebagai orang sampan kerana keadaan mereka yang tinggal di dalam sampan dan berpindah randah mengembara di kawasan laut terutamanya di perairan Kepulauan Riau. Soijah et al. (2015) dalam kajian mereka terhadap kegiatan menongkah Orang Laut mendapati faktor kebudayaan dan persekitaran menjadi salah satu tarikan kepada kegiatan ekopelancongan peribumi di kecamatan Tanah Merah, Tembilahan dan Indragiri Hilir, Indonesia.

Komuniti Orang Laut memiliki tradisi menangkap hasil laut yang dikenali sebagai menongkah. Kegiatan menongkah ialah salah satu ciri khas komuniti Orang Laut untuk menangkap kerang di kawasan berlumpur dengan menggunakan teknik meluncur papan. Justeru, pemerintah setempat telah menganjurkan festival menongkah sebagai salah satu usaha untuk memperkenalkan kegiatan ekopelancongan di Kepulauan Riau yang ditunjangi oleh komuniti asli Orang Laut. Soijah et al. (2015) menjelaskan, persekitaran Orang Laut yang dikelilingi pantai dan laut menjadi titik utama dalam memperkenalkan potensi ekopelancongan peribumi Orang Laut kepada masyarakat perdana dan pelancong di Indonesia. Keterbatasan dalam pelbagai aspek seperti sosioekonomi dan kemudahan asas menyebabkan komuniti Orang Laut mengambil inisiatif sendiri untuk terlibat dalam kegiatan ekopelancongan. Warisan budaya menongkah yang diwarisi oleh Orang Laut digunakan sebagai tarikan dalam ekopelancongan Orang Laut dalam festival menongkah. Hasil ekopelancongan peribumi bukan sahaja dinikmati oleh komuniti Orang Laut, bahkan ia juga dapat membantu mengembangkan lagi potensi ekopelancongan di kepulauan Riau (Soijah et al. 2015).

Seterusnya, New Zealand merupakan antara negara yang terkenal dengan tarikan ekopelancongan alam semula jadi. Namun, Masyarakat Maori juga turut menyumbang dalam perkembangan sektor pelancongan di New Zealand terutamanya dalam sektor ekopelancongan peribumi. Masyarakat Maori merupakan kelompok etnik kedua terbesar selepas kelompok majoriti iaitu masyarakat Pakeha (orang Eropah kulit putih) di New Zealand. Masyarakat Maori terlibat secara langsung sebagai duta pelancongan di New Zealand kerana kedudukan mereka sebagai kelompok asal di negara tersebut (Fisher 2008). Justeru, Zeppel (1997) menjelaskan,

kegiatan pelancongan di New Zealand yang melibatkan kelompok masyarakat Maori adalah merangkumi pengalaman pelancongan dalam bentuk kebudayaan dan persekitaran komuniti Maori itu sendiri.

Kebudayaan setempat dan persekitaran komuniti Maori merupakan faktor utama dalam perkembangan ekopelancongan peribumi di New Zealand. Misalnya, aktiviti permerhatian ikan Paus Kaikoura merupakan salah satu bentuk kegiatan ekopelancongan peribumi yang dipelopori oleh masyarakat Maori New Zealand (Fisher 2008). Selain itu, sokongan kerajaan turut memainkan peranan penting dalam kegiatan ekopelancongan peribumi New Zealand. Kerajaan berperanan aktif dalam memperkenalkan kebudayaan masyarakat Maori kepada pelancong melalui ekopelancongan (Hall 1993). Malah, Horn dan Tahi (2009) dalam kajian mereka mendapati perkembangan pembangunan terutamanya dalam aspek sosioekonomi memainkan peranan yang sangat penting dalam memperkasa masyarakat Maori untuk terlibat dalam perkembangan pembangunan ekopelancongan peribumi.

Oleh kerana pelancongan adalah industri yang melibatkan komuniti tuan rumah dan pelancong, ianya telah memberi impak kepada kelompok masyarakat yang tinggal di kawasan yang menjadi tumpuan pelancong. Impak ini telah membawa kepada perdebatan dalam pelbagai penulisan wacana mengenai potensi pelancongan sama ada boleh menjadi strategi yang berpotensi untuk pembangunan komuniti peribumi atau sebaliknya. Sementara itu, terdapat banyak kajian mengenai kesan pelancongan yang menjelaskan bahawa kegiatan pelancongan boleh menyumbang kepada beberapa kesan negatif kepada komuniti peribumi. Pertama, pengagihan pendapatan yang dijana oleh pelancongan dianggap sebagai tidak seimbang dan tidak adil bagi penduduk tempatan, terutama golongan miskin (Jamieson, Goodwin, & Edmunds, 2004). Misalnya, Smith (2001b) dalam hasil kajiannya terhadap kes kelompok komuniti Amish memperlihatkan budaya kehidupan seharian

komuniti Amish sebagai daya tarikan pelancong, namun manfaat pelancongan Amish tersebut diperoleh golongan pelabur dan peniaga yang bukan daripada kelompok komuniti Amish. Justeru, kelompok komuniti peribumi itu sendiri merupakan sumber pelancongan yang boleh dipasarkan; tetapi golongan elit tempatan dan pelabur luar (pemilik hotel, pengusaha pelancongan dan pemilik ekspatriat) dilihat merupakan kelompok yang mendapat faedah daripada kegiatan pelancongan tersebut (Swain, 2001).

KAEDAH PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini merupakan sebahagian daripada projek penyelidikan jangka masa panjang (2015 - 2019) yang bertujuan untuk mengkaji kesejahteraan hidup komuniti Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Namun, pada tahun 2020, kajian terpaksa ditunda buat sementara waktu akibat kekangan wabak COVID-19 yang melanda seluruh negara. Malah, pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) juga tidak membenarkan mana-mana individu atau kumpulan untuk memasuki kawasan kampung Orang Asli sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan di seluruh negara. Sepanjang tempoh PKP tersebut, kelompok belia Orang Asli di Kampung Chueh II telah mengambil kesempatan bergotong-royong membina rumah bagi tujuan *homestay* penginapan pengunjung yang datang melancong ke tempat mereka kelak.

Berdasarkan indeks kesejahteraan masyarakat Malaysia seperti mana yang telah diisyiharkan pada tahun 2014, indeks tersebut menjelaskan bahawa kesejahteraan hidup rakyat Malaysia adalah bertambah baik. Namun indeks tersebut tidak memperlihatkan realiti sebenar kesejahteraan hidup komuniti peribumi (Orang Asli) kerana komuniti Orang Asli adalah tergolong dalam kelompok masyarakat yang dianggap sebagai ‘miskin tegar’ dalam masyarakat di Malaysia.



FOTO 1. Kelompok belia Orang Asli Kampung Chueh II bergotong-royong membina rumah penginapan *homestay* sepanjang tempoh PKP dikuatkuasakan seluruh negara.

Sumber: Kajian lapangan 2020

Kajian ini menggunakan pendekatan pengumpulan data secara kualitatif, termasuk sesi temu bual separa berstruktur dengan pihak berkepentingan dan anggota komuniti Orang Asli, serta pemerhatian turut serta dalam komuniti setempat untuk menilai pengalaman dan persepsi komuniti Orang Asli setempat terhadap perkembangan kegiatan ekopelancongan di persekitaran kawasan mereka.

Penyelidik memilih komuniti ini kerana status mereka sebagai komuniti Orang Asli yang ditadbir selia oleh JAKOA. Jabatan ini merupakan agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk mengawal selia urusan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Jabatan ini ditubuhkan pada tahun 1954 dan berada di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia. Namun, sejak tahun 2018, pentadbiran JAKOA diselia di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Malah, pihak JAKOA turut melihat bahawa pendekatan ekopelancongan sebagai satu sektor yang menjadi sumber ekonomi baru yang semakin popular selain menjadi tarikan pelancong, sekali gus dilihat mampu memberi peluang kepada penduduk menjana pendapatan serta mewujudkan peluang pekerjaan (SelangorKini, 2019). Beberapa kawasan perkampungan Orang Asli turut merekodkan kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara termasuk Pos Kuala Mu di Sungai Siput, Perak; Pulau Carey dan Tanjung Sepat di Selangor; Bukit Kepong, Seremban di Negeri Sembilan serta Lubuk Bandung, Jasin di Melaka (SelangorKini 2019).

Pihak JAKOA turut berperanan menjadi tunjang penting dalam membimbing komuniti Orang Asli yang terbabit untuk meneroka sektor ekopelancongan selain memastikan sektor baharu tersebut lebih teratur dan bersistematis (SelangorKini, 2019). Sektor ekopelancongan Orang Asli perlu disokong dengan pelbagai kemudahan seperti chalet, selain aktiviti menarik seperti ‘*jungle trekking*’, memancing, mendaki bukit selain meninjau aktiviti pertanian, penghasilan produk dan kraftangan komuniti Orang Asli dengan tawaran pakej yang berpatutan kepada pengunjung serta pelancong.

Penyelidik juga perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibu pejabat JAKOA untuk menjalankan kajian di kawasan penyelidikan. Komunikasi dengan lebih lanjut dengan Tok Batin (Ketua Kampung Komuniti Orang Asli) serta anggota jawatankuasa pembangunan kampung diperlukan kerana kelompok kecil orang tua dewasa ini dianggap sebagai pemimpin yang bertanggungjawab atas kebijakan dan pembangunan anggota komuniti setempat. Justeru, hubungan komunikasi yang baik dengan kumpulan informan utama ini dapat melancarkan urusan penyelidikan di lapangan.

Informan (rujuk Jadual 1) dipilih melalui pensampelan secara rawak mudah dari segi kepakaran dan kebolehan mereka sebagai anggota komuniti yang terlibat dalam projek pelancongan di dalam persekitaran kampung mereka. Justeru, penyelidik menjalankan 17 sesi temu bual mendalam dengan anggota komuniti, termasuk mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam aktiviti dan kegiatan ekopelancongan seperti Tok Batin dan anggota komuniti Kampung Sungai Chueh II.

Sesi temu bual bervariasi dijalankan dalam tempoh satu hingga dua jam. Seorang pembantu penyelidik telah terlibat untuk merekodkan jawapan serta pandangan informan dan transkrip kemudiannya dirujuk silang bagi memastikan kebolehpercayaan dan kesempurnaan dapatan. Hasil temu bual daripada informan di kampung Orang Asli Sungai Chueh II dibandingkan dengan hasil pengalaman pelancong tempatan seperti rombongan pelajar pusat pengajian tinggi di Malaysia. Sesi temu bual dijalankan dalam Bahasa Melayu, sebagai bahasa umum yang digunakan meluas dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Selain itu, persetujuan secara lisan juga turut diperolehi daripada setiap informan sebelum sesi temu bual dijalankan. Jadual 1 menunjukkan senarai latar belakang informan yang telah ditemu bual dalam tempoh jangkamasa selama sekitar enam (6) bulan pada tahun 2017.

Sesi temu bual yang dijalankan terdiri daripada senarai soalan terbuka mengenai penilaian informan terhadap kegiatan ekopelancongan (misalnya; matlamat, kejayaan, cabaran, kebolehan

membuat keputusan, dan sumbangan dalam projek ekopelancongan) serta pelbagai ciri-ciri projek ekopelancongan (misalnya; sejarah, saiz, belanjawan, kerjasama dan operasi aktiviti).

Transkrip temu bual disemak bagi mengenalpasti pandangan, pendapat dan persepsi informan terhadap manfaat dan sikap mereka ke atas projek ekopelancongan yang diterapkan di kawasan persekitaran komuniti mereka selain melihat tahap kepuasan mereka terhadap kegiatan ekopelancongan di Kampung Chueh II.

Pemerhatian turut serta dalam kegiatan dan aktiviti ekopelancongan turut menyediakan ruang bagi sesi temu bual untuk mengumpulkan data. Penyelidik turut mengambil bahagian dalam setiap kegiatan, acara dan aktiviti yang disediakan untuk pelancong oleh komuniti Orang Asli setempat termasuk lawatan perjalanan, penunjuk arah aktiviti mendaki, pendidikan alam sekitar tentang tumbuhan herba di pinggir hutan, penginapan semalam bersama komuniti dan kegiatan interaksi dengan anggota komuniti Orang Asli.

JADUAL 1. Senarai kegiatan ekopelancongan informan kajian

| No | Kegiatan ekopelancongan | Informan (nama samaran) | Jantina | Umur | Kadar upah informan/bulan |
|----|---|--|-----------|---------|------------------------------|
| 1 | Perancangan, pembahagian tugas dan kewangan | Mazlan & Tok Batin | Lelaki | 30 - 55 | RM500.00 |
| 2 | Memainkan Centung buluh (alat muzik sewang) | Maria, Laila, Titi, Kamsia & Noni | Perempuan | 18 - 28 | RM300.00 |
| 3 | Demonstrasi menganyam tikar mengkuang | Rina, Mawar, Indah, Kasih, Hana, Salima, Embun & Puteh | Perempuan | 20 - 45 | RM350.00 |
| 4 | Pertanian kecil & bercucuk tanam | Melati, Yong & Intan | Perempuan | 18 - 35 | RM150.00 |
| 5 | Demonstrasi tarian Sewang | Mazlan, Gunik, Amat, Abek & Atan | Lelaki | 25 - 43 | RM300.00 |
| 6 | Aktiviti menyusuri hutan (<i>jungle trekking</i>) | Rahmat & Abang | Lelaki | 28 - 35 | RM150.00 |
| 7 | Pukat ikan & bercucuk tanam | Gunik & Amat | Lelaki | 25 - 30 | RM150.00 |
| 8 | Demonstrasi membuat & menaiki rakit buluh | Abek, Atan & Rahmat | Lelaki | 25 - 35 | RM500.00 |
| 9 | Aktiviti <i>night nature guide</i> (melihat binatang liar waktu malam seperti gajah, kucing hutan, burung & rusa) | Mazlan & Gunik | Lelaki | 30 - 43 | RM150.00 |

Malah, kebanyakan informan tidak menerima sebarang latihan berkaitan pengurusan kegiatan pelancongan daripada mana-mana pihak sebelum ini. Kebanyakan aktiviti pelancongan yang mereka tonjolkan adalah kegiatan kehidupan sehari-hari yang dijalankan penduduk kampung. Misalnya, kegiatan memukat ikan dan bercucuk tanam merupakan aktiviti sehari-hari komuniti Orang Asli Kampung Chueh II sebagai sumber makanan mereka. Melalui ekopelancongan, aktiviti memukat ikan boleh dijadikan sebagai salah satu aktiviti yang dapat dijalankan bersama-sama pelancong. Begitu juga dengan kegiatan menganyam tikar mengkuang dan tarian sewang yang menjadi salah satu unsur kebudayaan turun temurun komuniti setempat.


LOKASI PENYELIDIKAN

Proses yang terlibat dalam ekopelancongan merangkumi semua aspek perancangan, pembangunan, pemasaran dan pengurusan sumber dan kemudahan untuk membentuk sebuah kegiatan pelancongan. Aspek ketersampaian dan kemudahan pengunjung turut diambil kira dalam sektor ekopelancongan termasuk akses kepada kawasan

semula jadi dan warisan kebudayaan, perkhidmatan pemandu pelancong, penginapan, jualan hasil hutan dan kraf tangan, serta pengangkutan. Manakala kegiatan dan aktiviti khusus dalam ekopelancongan seperti laluan susur pejalan kaki, fotografi dan aktiviti pemuliharaan alam sekitar juga boleh menjadi sebahagian daripada aktiviti ekopelancongan.

Malah, di beberapa lokasi ekopelancongan, aktiviti berburu dan memancing turut dimasukkan sebagai aktiviti yang sesuai untuk dirasai oleh pelancongan, namun dengan syarat yang diteliti dan dikawal dalam pelan pengurusan sebagai bentuk sokongan terhadap pelan pemuliharaan alam sekitar. Justeru, kegiatan dan aktiviti ekopelancongan yang bersifat lestari ini bergantung kepada kearifan pengetahuan tempatan, manfaat ekonomi dan pendapatan setempat serta menggalakkan komuniti untuk menyemai kesedaran tinggi tentang kepentingan menjaga hidupan liar, sekali gus memberi manfaat kepada pelan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Lokasi penyelidikan ekopelancongan Orang Asli ini adalah melibatkan sebuah kampung Orang Asli pinggir hutan yang bernama Kampung Orang Asli Chueh II, Lembah Belum, terletak di negeri Perak, Malaysia (Rajah 1).



RAJAH 1. Peta lokasi kajian kawasan ekopelancongan yang diusahakan oleh komuniti Orang Asli suku Jahai di Kampung Chueh II, Lembah Belum, Perak, Semenanjung Malaysia.

Sumber: Kajian lapangan 2015-kini

Kajian ini dijalankan berdasarkan tumpuan kajian terhadap aktiviti pelancongan yang dijalankan oleh komuniti Orang Asli di Kampung Chueh II, Lembah Belum, Perak. Kawasan kajian ini berada di dalam daerah Gerik, iaitu kawasan pentadbiran di bawah pentadbiran Negeri Perak yang terletak di bahagian tengah utara Semenanjung Malaysia. Daerah Gerik juga berdekatan dengan negeri Kedah dan negeri Kelantan selain bersempadan dengan kawasan Selatan Thailand. Kawasan sekitar Lembah Belum mempunyai 20 pulau buatan yang pada asalnya merupakan puncak bukit. Kawasan ini juga terletak pada 2,000 meter ketinggian dari aras laut selain berdekatan dengan Empangan Temenggor, Empangan Bersia, Empangan Kenering dan Empangan Chenderoh. Berkeluasan 117,500 hektar dengan usia lebih 130 juta, hutan hujan tropika Diraja Belum menjadi antara hutan hujan tertua di dunia, lebih tua daripada hutan Amazon di Brazil (UNESCO, 2017). Manakala, Pulau Banding terletak di dalam lingkungan Tasik Temenggor yang juga merupakan tasik buatan manusia terbesar berukuran 70 kilometer (km) panjang dan 18,000 hektar lebar.

LATAR BELAKANG KAMPUNG CHUEH II

Kampung Chueh II terletak di dalam lingkungan antara penghujung Tasik Temenggor, Lembah Belum dan Pulau Banding. Kampung Chueh II awalnya mula tertubuh pada sekitar tahun 2000. Pada asalnya, kebanyakan penduduk tinggal berdekatan dengan kawasan sekolah di kawasan Air Banun, namun akibat konflik dan masalah dengan kelompok Orang Asli yang lain, mereka telah berpindah ke kawasan sekitar Tasik Banding. Faktor lain yang menyebabkan mereka berpindah ialah kesesuaian kawasan tempat tinggal seperti kawasan bercucuk tanam, kawasan berburu, mengutip hasil hutan dan menangkap ikan. Seterusnya, Encik Mazlan yang juga merupakan pemangku Tok Batin turut menjelaskan, penduduk Kampung Chueh II akan berpindah ke kawasan petempatan baru kerana kematian Tok Batin mereka.

Selain itu, Kampung Chueh II juga berdekatan dengan Kampung Chueh I yang juga merupakan kampung Orang Asli tersusun di bawah program kerajaan Rancangan Petempatan Semula (RPS). Encik Mazlan juga menjelaskan, penduduk Kampung Chueh II enggan digabungkan bersama dengan penduduk Kampung Chueh I akibat perselisihan faham kerana pada tahun 2000, wakil Tok Batin mereka tidak diiktiraf sebagai Batin yang sah di peringkat pentadbiran kampung.



FOTO 2. Kedudukan petempatan Orang Asli kampung Chueh II yang berdekatan dengan tasik di Lembah Belum, Perak
Sumber: Kajian lapangan 2019

Berdasarkan rekod di lapangan, jumlah penduduk di Kampung Orang Asli Chueh II adalah sekitar 45 hingga 50 orang, selain terdapat sekitar 13 buah unit rumah yang didiami oleh komuniti Orang Asli Kampung Chueh II. Kelompok Orang Asli yang mendiami Kampung Sungai Chueh II ialah kelompok suku Jahai dan sebilangan kecil suku Temiar. Lokasi kampung ini dikelilingi dengan tasik buatan dan hanya boleh diakses dengan menggunakan bot kecil. Manakala, perjalanan dari jeti besar di Pulau Banding ke kawasan petempatan Orang Asli di Kampung Chueh II mengambil masa sekitar satu jam setengah dengan menggunakan bot laju atau rumah bot yang disediakan oleh pengendali agensi pelancongan. Malah, kedudukan kawasan kampung yang dikelilingi tasik serta berhampiran dengan pesisir hutan Lembah Belum menyebabkan pengangkutan air menjadi mod pengangkutan utama bagi penduduk kampung serta akses pengangkutan dan mobilisasi pergerakan penduduk adalah terbatas selain hanya dapat dijangkau dengan menggunakan bot kecil atau rakit buluh. Kebanyakan penduduk bekerja sebagai pengutip hasil hutan seperti mencari kayu gaharu dan kayu rotan, menangkap ikan, bercucuk tanam dan memburu haiwan liar.

PERBINCANGAN

Secara umumnya, dapatan hasil kajian ekopelancongan berdasarkan komuniti Orang Asli ini menyerupai beberapa kajian kes ekopelancongan daripada kajian-kajian lepas (Zeppel 2006; Zanisah & Yeoh 2019) terutamanya dari segi pengurusan dan penerus kegiatan ekopelancongan dalam komuniti setempat. Ekopelancongan sering dilihat kurang berjaya dalam menuntaskan faedah dan manfaat yang dijangkakan memberi hasil jangka panjang kepada komuniti Orang Asli disebabkan oleh gabungan beberapa faktor, termasuk kekurangan dalam modal tenaga kerja manusia, aliran kewangan dan kespaduan sosial dalam masyarakat, kekurangan mekanisme yang adil bagi menjamin manfaat ekonomi ekopelancongan dan jaminan hak ke atas tanah adat.

Pihak JAKOA juga perlu dilihat sebagai entiti penting dalam memberikan bimbingan kepada masyarakat Orang Asli untuk meneroka sektor ekopelancongan selain memastikan sektor baharu tersebut lebih teratur dan bersistematis untuk dikendalikan (Sinar Harian 2019). Ekopelancongan peribumi (Orang Asli) juga boleh menjadi satu batu loncatan kepada komuniti Orang Asli untuk lebih

berdikari dalam sektor pelancongan sekaligus dapat meningkatkan tahap ekonomi serta memelihara warisan kebudayaan. Malah, pihak JAKOA melalui Geran Bantuan Bimbingan Usahawan Orang Asli turut menyediakan program dan latihan khusus kepada masyarakat Orang Asli terutamanya kepada kelompok belia dengan mengikuti kursus dan latihan secara langsung di bawah bimbingan JAKOA seperti kursus asas pengurusan homestay, kursus pemasaran atas talian, kursus SKM 2, kursus kemasan produk dan kursus anyaman rotan (Jabatan Kemajuan Orang Asli 2022).



FOTO 3. Rumah penginapan *homestay* yang telah siap dibina oleh kumpulan belia Orang Asli Kampung Chueh II

Sumber: Kajian lapangan 2020

Walaupun objektif sektor ekopelancongan yang menjanjikan manfaat untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk tempatan (komuniti Orang Asli) melalui ekopelancongan berdasarkan komuniti dan pemuliharaan alam sekitar, banyak kegiatan ekopelancongan dan kesannya tidak dinilai dan dipantau secara kritis dan berterusan. Hal ini bersamaan dengan perbincangan kritis dalam kajian Goodwin & Santilli (2009).

Justeru di Semenanjung Malaysia, ekopelancongan Orang Asli dilihat sebagai industri pelancongan yang masih baharu. Beberapa tema utama berkaitan ekopelancongan peribumi berdasarkan komuniti dalam hasil daripada kajian ini dibincangkan pada bahagian penulisan yang seterusnya.

KEGIATAN EKOPELANCONGAN MELALUI PENDIDIKAN ALAM SEKITAR

Ekopelancongan boleh ditakrifkan sebagai bentuk gabungan antara kegiatan pelancongan dengan alam sekitar. Justeru, ekopelancongan Orang Asli dalam kajian ini turut memfokuskan kepada bentuk

pendidikan alam sekitar yang berpotensi bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan sikap dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam kalangan pelancong.

“...misalnya, salah satu cabaran utama nak naikkan potensi kawasan alam semulajadi yang dilindungi dekat orang luar dengan pelancong, kita fokuskan dekat kelebihan alam macam pokok-pokok hutan dengan haiwan liar, kalau bunga hutan paling terkenal tu macam bunga Rafflesia, bunga terbesar dekat dunia...” (Informan Mazlan).

“...pendidikan alam sekitar dapat menyokong pendekatan yang komprehensif dalam pembangunan kegiatan ekopelancongan, selain memupuk pemahaman mendalam tentang ekosistem alam semula jadi dan ciri-ciri sosial di sekitar destinasi ekopelancongan. Sekurang-kurangnya usaha pendidikan alam sekitar dapat

mengubah tingkah laku dan pemahaman pelancong dan penduduk setempat tentang kepentingan persekitaran alam semulajadi...” (Pegawai JAKOA A, Negeri Perak).

Justeru, ekopelancongan di kawasan Kampung Chueh II secara tidak langsung dapat merangsang kepada perkongsian pengetahuan melalui pendidikan alam sekitar kepada pelancong. Begitu juga penduduk tempatan boleh mendapat manfaat langsung daripada peningkatan perkembangan infrastruktur dan kemudahan pelancongan di kawasan persekitaran komuniti kesan daripada pembangunan pelancongan. Hal tersebut boleh membawa kepada peningkatan taraf hidup komuniti peribumi dan meningkatkan kualiti hidup mereka (Singh, Timothy & Dowling, 2003)

EKOPELANCONGAN ORANG ASLI SEBAGAI BENTUK KEMAPANAN KEHIDUPAN

Kejayaan kegiatan ekopelancongan Orang Asli telah meningkatkan pembangunan setempat secara lestari, memberi perlindungan dan pemeliharaan kepada alam sekitar, serta memperkasa komuniti Orang Asli. Justeru, kedudukan lokasi, infrastruktur asas dan sumber alam sedia ada merupakan antara faktor kepada kejayaan kegiatan ekopelancongan Orang Asli.

“...rasanya tak ada pun masalah kalau orang luar nak masuk kampung, tapi itu lah.. nak masuk kena ada jalan, dekat sini kalau nak sampai kampung pun guna bot laju, bot tu bukan untuk orang kampung je yang guna, tapi untuk pelancong luar jugak...tapi biasalah kalau nak dapatkan bot kena guna duit, harap-harap ada bantuan jugak dari orang luar...” (Informan Gunik).

“...sebarang kegiatan pembangunan yang dijalankan oleh komuniti setempat boleh menerima pelbagai manfaat daripada keparakan pihak penyelidik universiti dan NGO. Tapi, kuasa untuk membuat keputusan haruslah diberikan kepada komuniti Orang Asli sebagai kelompok asal yang mempunyai kepentingan sosial dan ekonomi di kawasan tersebut...” (Pegawai JAKOA B, Negeri Perak)

Kegiatan ekopelancongan turut menggalakkan anggota komuniti terutamanya kepada Orang Asli untuk tetap tinggal di persekitaran kawasan komuniti kerana kegiatan ekopelancongan Orang Asli secara tidak langsung telah menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka. Perkongsian manfaat dan faedah dalam kegiatan ekopelancongan boleh memberi nilai tambah kepada aspek sosioekonomi setempat komuniti Orang Asli.

“...orang luar dengan pelancong yang datang selalu nak tengok adat budaya kami dekat kampung, lepas tu orang kampung sama-sama ikut, ada tu yang buat tarian sewang, main bulu, anyam tikar, kail ikan dekat tasik... lepas tu orang luar yang datang bagi upah dekat orang kampung yang sama-sama tunjuk budaya dekat mereka...” (Informan Rina)

“...saya dekat kampung mainkan peranan untuk uruskan pakej pelancongan untuk pelancong dengan orang luar yang datang, selalunya mereka datang nak rasa suasana tinggal dengan alam, lepas tu kenal dengan budaya Orang Asli.. kalau saya uruskan, saya pastikan akan aktiviti menarik untuk pelancong, upah yang dapat dibahagikan sama rata dekat orang kampung yang ikut...” (Informan Mazlan)

Ekopelancongan Orang Asli mempunyai peranan yang baik untuk mencapai matlamat pembangunan masyarakat yang mapan. Namun, peranan tersebut hanya boleh tercapai sekiranya ada kerjasama dan penglibatan penuh komuniti Orang Asli dalam sebarang kegiatan ekopelancongan yang dijalankan.

“...tapi kerja-kerja yang kami buat untuk tunjuk dekat pelancong ni bagi kesan baik dekat orang kampung, anak-anak muda dengan orang perempuan dekat kampung boleh jumpa orang luar, lepas tu boleh tunjuk budaya Orang Asli dekat mereka...” (Informan Maria).

Penyelidikan yang berterusan telah menunjukkan bahawa pelancongan boleh menjadi ejen penting bagi pembangunan komuniti peribumi (Singh, Timothy & Dowling 2003; Fuller & Gleeson 2007; Briedenhann & Ramchander 2006). Secara umumnya, cadangan tersebut berpunca daripada hakikat bahawa kegiatan pelancongan adalah tidak seperti kebanyakan pengguna perkhidmatan lain, pelancongan merupakan bentuk eksport yang mana pelancong (juga dinamakan sebagai titik

pengeluaran) akan di bawa masuk ke tempat tarikan pelancongan (juga dinamakan sebagai titik pasaran). Selagi titik pengeluaran dan titik pasaran berada di tempat yang sama, sektor pelancongan mempunyai potensi besar untuk menjana pendapatan dan memberi peluang pekerjaan secara langsung dan tidak langsung kepada komuniti peribumi termasuk peluang kepada golongan kurang berkemahiran (Law 2002; Singh, Timothy & Dowling, 2003; Fuller & Gleeson, 2007) dan kelompok masyarakat yang kurang bernasib baik terutamanya golongan wanita (Stronza, 2001).

EKOPELANCONGAN MENGEKALKAN WARISAN BUDAYA ORANG ASLI SETEMPAT

Kegiatan ekopelancongan memberi secara langsung kepada aspek kebudayaan setempat. Impak kebudayaan dalam ekopelancongan merupakan kesan budaya yang terhasil kesan daripada pembangunan ekopelancongan. Hasil kajian ini berkenaan warisan budaya komuniti Orang Asli bersamaan dengan kajian-kajian luar negara (Diamantis, 1999; Gartner, 1996; Kiper *et al.* 2011) yang memfokus kepada budaya peribumi sebagai tarikan kegiatan ekopelancongan tempatan.

“... saya setuju kalau orang luar dengan pelancong datang ke kampung dengan kawasan alam sekitar dekat sini, setidaknya bagi kebaikan sebab nak tunjuk keindahan alam dengan ada budaya kami orang asli, tapi kalau orang luar datang, mereka jugak bawak kesan tidak baik dekat orang kampung, budaya orang luar macam cara berpakaian ditiru anak-anak muda kampung...” (Informan Abek).

Justeru, ekopelancongan Orang Asli dalam kajian ini merupakan bentuk pelancongan dengan tarikan utamanya ialah alam semula jadi, selain dibangunkan atas dasar nilai-nilai asal yang dimiliki oleh komuniti Orang Asli dan ditafsirkan oleh komuniti Orang Asli setempat sebagai sumber kekayaan alam semulajadi dan kebudayaan setempat. Hasil kajian ini disokong oleh perbincangan Zeppel (2006) dalam penulisan beliau berkenaan pembangunan dan pengurusan lestari ekopelancongan peribumi.

“....saya sebagai Batin dan Ketua Kampung dekat sini, merasakan kehadiran orang luar dan pelancong yang ke kawasan kami bagi kesan baik dekat kampung ni, ramai orang kampung yang ikut tunjukkan budaya Orang Asli dengan kawasan alam sekitar kampung.. tapi itu lah, ada penduduk yang rasa terganggu kalau orang luar dengan pelancong selalu masuk kampung...” (Informan Batin Kampung Chueh II).

Tetapi, ekopelancongan Orang Asli juga turut berhadapan cabaran terutamanya yang berkaitan dengan kebudayaan dan kepercayaan Orang Asli setempat. Ketua belia kampung, Mazlan dan beberapa informan wanita yang giat melibatkan diri dalam kegiatan ekopelancongan menjelaskan:

“...kalau ada kematian orang tua dekat kampung sini, selalu orang kampung mesti takut nak tinggal dekat tempat tu, jadi kami pindah dekat tempat lain, tak nak dapat bala jahat dekat keluarga kami...” (Informan Mazlan).

“...budaya Orang Asli yang ada dekat kampung sekarang ni dapat dari cerita-cerita nenek moyang dulu-dulu. Cerita-cerita tu la yang jadi panduan hidup sehari-hari dekat sini. Semua perbuatan kita macam ilmu ubat-ubat hutan, buat rumah buluh, anyam tikar semua datang dari datuk nenek zaman dulu-dulu...” (Informan Salima).

“...kehidupan dengan kelakuan kami ni banyak yang ikut kepercayaan nenek moyang, macam tu jugak dengan pengetahuan yang kami tau, semuanya diturunkan dari bebek, mak, bapak dekat anak-anak.. macam tikar mengkuang yang Orang Asli buat dekat kampung ni, kalau nenek-nenek kami dulu tak bagitau, rasa-rasa ilmu ni tak sampai dekat anak-anak muda kampung...” (Informan Intan).

Malah, kegiatan pelancongan turut menjadi dorongan kepada identiti dan kebanggaan komuniti peribumi seterusnya menyumbang kepada perlindungan dan pemerkaaan tradisi, adat dan warisan yang mungkin akan hilang ditelan zaman (Hashimoto, 2002). Maka, dapatan kajian jelas membuktikan bahawa adanya peranan ilmu pengetahuan peribumi dan kearifan tempatan (*local knowledge*) setempat sebagai bentuk kebijaksanaan pengetahuan masyarakat terhadap kelangsungan hidup masyarakat Orang Asli. Pengetahuan dan kearifan tempatan yang diwarisi mereka secara turun temurun adalah sebagai tindak balas kepada keadaan persekitaran dan sewajarnya kemahiran dan ilmu yang diwarisi diteruskan sebagai bentuk kekayaan nilai kebudayaan setempat selain mengelakkan pengetahuan tersebut daripada hilang ditelan zaman. Justeru, sektor ekopelancongan Orang Asli dilihat dapat menjadi satu bentuk sokongan kepada pengekalan berterusan terhadap nilai-nilai kebudayaan Orang Asli, ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan setempat.

EKOSISTEM ALAM SEBAGAI TARIKAN KEPADA KEGIATAN EKOPELANCONGAN

Ekopelancongan merupakan kegiatan pelancongan yang berasaskan kepada penghayatan alam semula jadi dan ekologi persekitaran. Ekopelancongan juga turut mempunyai potensi yang luas terutamanya dalam industri pelancongan dunia. Ekopelancongan juga merupakan pengembalaan yang bertanggungjawab terhadap alam semula jadi dengan menikmati dan menggalakkan pemuliharaan dan pemeliharaan ekosistem alam yang masih belum terusik. Ekopelancongan sebagai bentuk pengembalaan juga bertujuan untuk mewujudkan kesefahaman dalam kebudayaan komuniti setempat selain menekankan penjagaan ekosistem dan menghasilkan manfaat dalam bentuk pulangan ekonomi kepada penduduk tempatan dan kerajaan bagi menggalakkan pemuliharaan semula jadi (McIntosh *et al.* 1995).

“...selalu kalau pelancong luar datang sebab nak tengok alam semula jadi je, kalau malam-malam tu boleh tengok tempat yang selalu binatang keluar macam gajah dengan rusa. Sekurang-kurang kalau orang luar datang dapat bagi kesedaran dekat mereka, biar kawasan ni tetap kekal jadi hutan, lepas tu bawak faedah lain dekat Orang Asli yang tinggal dekat sini...” (Informan Gunik).

Ekopelancongan juga turut menyumbang kepada kegiatan pemuliharaan melalui aktiviti yang dapat menjana ekonomi khususnya kepada penduduk tempatan selain dapat melindungi kawasan tersebut dengan mewujudkan peluang pekerjaan untuk masyarakat setempat dan menawarkan pendidikan alam sekitar kepada penduduk dan pelancong (Boo, 1991).

IMPAK EKOPELANCONGAN KEPADA KEGIATAN SOSIOEKONOMI KOMUNITI ORANG ASLI

Pada awalnya, kegiatan pelancongan berasaskan komuniti peribumi (Orang Asli) biasanya dilihat sebagai cara untuk membawa faedah dan manfaat sosioekonomi kepada komuniti peribumi (Orang Asli) itu sendiri, masyarakat awam dan kawasan persekitaran. Sepertimana bentuk pelancongan yang lain; bentuk pembangunan, pelaksanaan dan pengurusan pelancongan peribumi (Orang Asli) mestilah disokong dengan prinsip pembangunan lestari dan pengurusan sumber asli.

“...orang-orang dekat kampung sini hargai sangat dekat alam sekitar, lagi pulak budaya kami ni boleh tunjuk dekat orang luar yang datang, boleh naikkan sikit hidup sehari-hari kami, ada la kerja sikit, lepas tu boleh dapat duit sebab orang luar nak tengok hutan, tasik dengan budaya Orang Asli...” (Informan Indah).

“...tapi, kalau duit upah tu tak bagi sama rata dengan orang kampung yang ikut buat aktiviti dengan pelancong luar, nanti ada laa yang rasa tak buat hati, lepas tu bergaduh sikit...” (Informan Abang).

Pada keseluruhannya, ekopelancongan berasaskan komuniti selain disokong oleh prinsip-prinsip kemapanan dan menyokong kegiatan pembangunan yang bukan sahaja memudahkan kesejahteraan ekonomi masyarakat peribumi (Orang Asli) dan pemuliharaan landskap budaya peribumi (orang asli) serta alam sekitar. Informan menjelaskan;

“...setiap orang kampung yang terlibat akan diberikan peranan masing-masing dalam semua aktiviti dengan pelancong luar, upah akan diberi kepada mereka kalau aktiviti dengan pelancong tamat...” (Informan Batin)

Hal ini adalah untuk memastikan pembangunan pelancongan dapat digunakan sebagai bentuk peluang positif untuk meningkatkan identiti sosial, kebudayaan dan identiti komuniti peribumi (Orang Asli) setempat (Amoamo & Thompson, 2011 & Thompson, 2013). Penyelidik tersebut meneroka isu-isu berkaitan kemakmuran ekonomi, isu ketegangan yang berkaitan dengan budaya, peningkatan kesejahteraan sosioekonomi masyarakat peribumi (Orang Asli) dan cabaran dalam konteks yang lebih meluas terutamanya dalam aspek persekitaran, kemapanan sosial dan ekonomi serta kelestarian kebudayaan.

KESIMPULAN

Pembangunan ekopelancongan haruslah menggalakkan pembangunan pendidikan dan mewujudkan kesedaran kepada orang ramai untuk bersama-sama memelihara dan mengekalkan ekosistem di persekitaran kawasan ekopelancongan. Terdapat keperluan untuk melaksanakan rancangan pembangunan dan mengurus sumber alam semula jadi dengan kaedah yang menjamin integriti ekologi dan persekitaran. Pendidikan alam sekitar dan interpretasinya merupakan kunci bagi mewujudkan pengalaman merasai manfaat ekopelancongan yang menyeronokkan dan bermakna selain

menjadi salah satu titik utama pembezaan antara produk ekopelancongan dan produk sektor pelancongan yang lain. Komponen tafsiran produk ekopelancongan yang berjaya akan memupuk penghargaan daripada masyarakat dan sokongan dalam usaha pemuliharaan alam sekitar, komuniti dan warisan kebudayaan tempatan.

Tumpuan ekopelancongan mampu di peringkat kelompok masyarakat atau komuniti peribumi adalah untuk mengekalkan kesejahteraan ekologi, meningkatkan kapasiti komuniti peribumi dan mewujudkan manfaat ekonomi yang memadai yang memihak kepada anggota komuniti Orang Asli. Paradigma ini menunjukkan bahawa pembangunan pelancongan bukan tentang satu sektor, ianya turut meliputi kelestarian ekologi, kemampunan sosial dan kelestarian ekonomi, sekali gus kelestarian dalam semua aspek komuniti Orang Asli yang terlibat. Oleh itu, pembangunan dan pemuliharaan adalah penting, ianya perlu diintegrasikan dalam perencanaan dan pelaksanaan pembangunan pelancongan berpandukan kelestarian ekologi.

Ekopelancongan Orang Asli boleh menjadi salah satu sektor pelancongan yang berjaya melalui sokongan dan peranan jitu oleh pihak kerajaan kerana ianya suatu bentuk pelancongan yang menekankan kepada pengalaman alami serta interaksi dengan alam dan masyarakat setempat, terutama masyarakat Orang Asli. Entiti kerajaan berkaitan seperti Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya boleh menjalinkan kerjasama dua hala bersama-sama kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan untuk meningkatkan sektor ekopelancongan Orang Asli. Tujuannya adalah untuk memberikan pengalaman pelancongan yang lebih berkesan sekaligus mendidik masyarakat dan membantu pembangunan ekonomi setempat dengan cara mempromosikan budaya dan kekayaan alam Orang Asli. Justeru, lokasi yang sesuai perlu dikenalpasti untuk dibangunkan sebagai destinasi ekopelancongan Orang Asli serta mewujudkan geran bantuan khas melalui program dan sesi latihan pengurusan sektor pelancongan kepada masyarakat Orang Asli. Hal tersebut adalah penting bagi memastikan komuniti Orang Asli yang terlibat dapat berdikari dan bertanggungjawab sepenuhnya dalam membangunkan sektor ekopelancongan Orang Asli berdaya saing dengan sektor pelancongan lain.

Melalui bimbingan kerajaan juga, sektor ekopelancongan mampu membangunkan ekonomi masyarakat Orang Asli melalui penyediaan peluang pekerjaan kepada pembuat kraftangan, pengeluar

produk hilir berdasarkan hutan dan seterusnya menggalakkan masyarakat terutamanya golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan. Malah, sektor ekopelancongan Orang Asli perlu disokong dengan pelbagai kemudahan asas seperti chalet dan sumber air bersih, selain aktiviti seperti ‘*jungle trekking*’, memancing, mendaki bukit selain penghasilan produk dan kraftangan komuniti Orang Asli untuk ditonjolkan kepada pelancong.

Justeru, adalah diharapkan melalui kegiatan ekopelancongan berdasarkan komuniti, masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia boleh keluar daripada kelompok terasing daripada masyarakat perdana dan ke arah membentuk komuniti yang menjadi peranan utama dalam industri pelancongan tempatan. Dengan penglibatan secara langsung dalam kegiatan ekopelancongan, komuniti tempatan boleh mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti seperti pemantauan flora dan fauna, penyelenggaraan laluan tapak pelancongan, pengurusan sumber alam semulajadi, pendidikan alam sekitar dan pemuliharaan alam sekitar selain menyokong usaha kerajaan dalam memelihara dan melindungi khazanah haiwan liar terancam negara seperti harimau Malaya, tapir, beruang matahari dan kambing gurun.

PENGHARGAAN

Penyelidik amat berbesar hati dan berterima kasih kepada anggota komuniti Orang Asli yang telah berkongsi pengalaman berharga mereka dalam kegiatan ekopelancongan di Kampung Chueh II yang telah diusahakan mereka.

RUJUKAN

- Amoamo, M., & Thompson, A. 2011. (Re)imaging Maori Tourism: Representation and cultural hybridity in postcolonial New Zealand. *Tourist Studies* 10(1): 35-55.
- Ang, S.C. & Chan, N.W. 2009. The potentials, threats and challenges in sustainable development of Belum-Temengor rainforest complex. Proceedings of the 2nd National Conference on Society, Space and Environment 2009 “Towards Sustainable Heritage and Future”, 2-3 June 2009, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Penang. In CD Rom.
- Badaruddin Mohamed. 2002. *The development of ecotourism in Malaysia - Is it really sustainable?* Paper presented at International Year of Ecotourism 2002 Regional Conference in Chiang Mai/Thailand, 3-7 March 2002: Community Based Ecotourism in Southeast Asia.

- Bambang Eko Susilo, Ricky Avenzora, & Rachmad Hermawan. 2018. Potentials folklore to the development of ecotourism in Mappi Region, Papua Province. *Media Konversasi* 23(1): 18-27.
- Benjamin, G. & Cynthia Chou, sunt. 2003. *Tribal Communities in the Malay World: Historical and Social perspective*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Berkes, F., Kofinas, G. P., & Chapin, F. S. 2009. *Conservation, community, and livelihoods: Sustaining, renewing, and adapting cultural connections to the land: Principles of ecosystem stewardship*. New York: Springer.
- Boo, E. 1991. *Ecotourism: The Potential and Pitfalls*. Washington: World Wildlife Fund.
- Briedenham, J., & Ramchander, P. 2006. Township tourism – Blessing or blight? - The case of Soweto in South Africa. Dlm. *Cultural Tourism in a Changing World: Politics, Participation and (Re)Presentation*, disunting oleh M. Smith and M. Robinson. Great Britain: Channel View Publications.
- Brooks, J., Franzen, M., Holmes, C., Grote, M., & Borgerhoff, M. 2006. Testing hypotheses for the success of different conservation strategies. *Conservation Biology* 20(5): 1528-1538.
- Butler, R., & Hinch, T. 2007. Introduction: revisiting common ground. Dlm. *Tourism And Indigenous Peoples: Issues And Implications*, disunting oleh A. Butler. R. & Hinc. London: Butterworth-Heinemann.
- Ceballos-Lascurain, H. 1996. *Tourism and Protected Areas*. Gland, Switzerland: IUCNWorld Conservation Union.
- Charnley, S. 2005. *From Nature Tourism To Ecotourism? The Case of the Ngorogoro Conservation Area*. Tanzania: Human Organization.
- Diamantis, D. 1999. The concept of ecotourism: evolution and trends. *Current Issues in Tourism*, 2(23): 93-122.
- Duffy, R. 2002. *A Trip Too Far: Ecotourism, Politics & Exploitation*. Sterling London: Earthscan Publications Ltd.
- Er, A.C., Asmahani, A., Harsuzilawati, M., Zaini, S., & Adam, J.H. 2012. Analisis kelebihan kompetitif ekopelancongan di Mukim Ulu Dong, Raub, Pahang, Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space* 8(8): 158-169.
- Fisher, D. 2008. *Maori and Tourism - A Review Of The Research and Research Potential*. New Zealand: Lincoln University.
- Fuller, D., & Gleeson, A. 2007. Sustainable indigenous community economic. In J. Buultjens & D. Fuller (Eds.), *Striving for sustainability: Case studies in Indigenous tourism*. Australia: Southern Cross University Press.
- Garraway, J. (2011). Ecotourism as a means of community development : The case of theindigenous populations of the Greater Caribbean. *Journal of tourism research*, 1, (2), 11-20.
- Gartner, W. (1996). *Tourism development: Principles, processes and policies*. New York: John Wiley.
- González, E. D. (2004). *Ecotourism as a mean for community-based sustainable development: La Congreja National Park case study, Costa Rica*. Wageningen: Wagening University & Research Center.
- Goodwin, C. (2007). Participation, stance, and affect in the organization of activities. *Discourse and Society*, 18, 53-73.
- Goodwin, H., & Santilli, R. (2009). *Community based tourism: A success? ICRT occasional paper no. 11*. Leeds: ICRT & GTZ.
- Greenwood, D. J. (1977). Culture by the pound: An anthropological perspective on tourism as cultural commoditization. In V. L. Smith (Eds.), *Hosts and guests: The anthropology of tourism*. United States of America: The University of Pennsylvania Press.
- Grenier, L. (1998). *Working with indigenous knowledge: A guide for researchers*. Ottawa: International Development Research Centre (IDRC).
- Habibah, A., Hamzah, J., & Mushrifah, I. (2010). Sustainable livelihood of the community in Tasik Chini biosphere reserve: The local practices. *Journal of Sustainable Development*, 3(3), 184-196.
- Hall, C. M. (1993) The politics of leisure: An analysis of spectacles and mega-events. In A. J. Veal, O. Jonson., & G. Cushman. (Eds.), *Leisure and tourism: Social and environmental changes*. Sydney: World Leisure and Recreation Association, University of Technology.
- Hall, C. M., Mitchell, I., & Keelan, N. (1993). The implications of Maori perspectives for the management and promotion of heritage tourism in New Zealand. *GeoJournal*, 29, 315-322.
- Hashimoto, A. (2002). 'Tourism and socio-cultural development issues. In, R. Sharpley & D. J. Telfer (Eds.), *Tourism and development: concepts and issues*. Clevedon: Channel View Publications.
- Horn, C., & Tahi, B. (2009). Some cultural and historical factors influencing rural Māori tourism development in New Zealand. *Journal of Rural and Community Development*, 4(1), 84-101.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2022). *Usahawan Bimbingan JAKOA*. Retrieved from <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/usahawan-2/>
- Jamieson, W., Goodwin, H., & Edmunds, C. (2004). *Contribution of tourism to poverty alleviation: Pro-poor tourism and the challenge of measuring impacts*. Bangkok: United Nation Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP).
- Kiper, T. (2013). *Role of ecotourism in sustainable development*. doi: 10.5772/55749.
- Kiper, T., Ozsemir, G., & Saglam, C. (2011). Environmental, socio-cultural and economical effects of ecotourism perceived by the local people in the Northwestern Turkey: Kiyikoy case. *Scientific Research and Essays*, 6(19), 4009-4020.

- Lapeyre, R. (2010). Community-based Tourism as a Sustainable Solution to Maximise Impacts Locally? The Tsiseb Conservancy Case, Namibia. *Development Southern Africa*, 27 (5), 757 - 772.
- Law, C.M. (2002). *Urban tourism: the visitor economy and the growth of large cities*. London: Continuum.
- Lepper, C. M., & Schroenn Goebel, J., 2010. Community-based natural resource management, poverty alleviation and livelihood diversification: A case study from northern Botswana. *Development Southern Africa*, 27(5), 725-739.
- Lew, A. A. (1999). Managing tourism-induced acculturation through environmental design on Pueblo Indian villages in the US. *Tourism Development in Critical Environments*, 120-136.
- Mbaiwa, J. E., & Stronza, A. L. (2010). The effects of tourism development on rural livelihoods in the Okavango Delta, Botswana. *Journal of Sustainable Tourism*, 18(5), 635-656.
- Mcintosh, R.W., Goeldner, C. R., & Ritchie, J. R. (1995). *Tourism principles, practices, philosophies*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Miller, A. G., & Ward, T. L. (2005). *Monitoring a sustainable tourism transition: The challenge of developing and using indicators*. Oxford, United Kingdom: CAB International.
- Mitchell, R. E. (1998). *Community integration in ecotourism: A comparative case study of two communities in Peru*. Canada: The University of Guelph.
- Nakashima. & Douglas. (2010). *Indigenous knowledge in global policies and practice for education, science and culture*. Paris: The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)
- Nursey-Bray, M., & Rist, P. (2009). Co-management and protected area management: achieving effective management of a contested site, lessons from the Great Barrier Reef World Heritage Area (GBRWHA). *Mar Policy*, 33, 118-127.
- Organisasi Pelancongan Dunia (UNWTO). 2002. Ecotourism and protected areas. Retrieved February 28 from <https://www.unwto.org/sustainable-development/ecotourism-and-protected-areas>
- Parker, S., & Khare, A. 2005. Understanding success factors for ensuring sustainability in ecotourism development in Southern Africa. *Journal of Ecotourism* 4: 32-46.
- Puvaneswaran, K., Sarjit S. G., Talib, A. T., & Ma'rof Redzuan. 2003. Culture as an Indigenous tourism product of Mah Meri community in Malaysia. *Life Sci J* 10(3): 1600-1604.
- Rohayu Roddin, Noor Sharipah, & Sultan Sidi. 2013, June. Pembinaan keupayaan dalam pelancongan Orang Asli: Satu kajian kes dalam komuniti Mah Meri. International Conference on Social Science Research ICSSR 2013, Pulau Pinang, Malaysia: *Proceedings*, (pp. 656-664). Retrieved from http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/3985/1/195_-_Rohayu.pdf
- Rohayu Roddin, Yusmarwati Yusof, Halizah Awang & Sarebah Warman. 2017. Nilai transformasi komuniti Mah Meri dalam pelancongan peribumi. *Journal of GlobalBusiness and Social Entrepreneurship (GBSE)* 3(6): 47-57.
- Schellhorn, M. 2010. Development for whom? Social justice and the business of ecotourism. *J Sustain Tour* 18: 115-135.
- Scherl, L. M., & Edwards, S. 2007. Tourism, indigenous and local communities and protected areas in developing nations. *Tourism and protected areas: Benefits beyond boundaries*, 71-88.
- SelangorKini. 2019. JAKOA perkasa sektor pelancongan eko perkampungan Orang Asli. <https://selangorkini.my/2019/10/jakoa-perkasa-sektor-pelancongan-eko-perkampungan-orang-asli/>
- Sinar Harian. 2019. Kerajaan bantu tingkat taraf hidup masyarakat Orang Asli. <https://www.sinarharian.com.my/article/24716/berita/nasional/kerajaan-bantu-tingkat-taraf-hidup-masyarakat-orang-asli>
- Sindiga, I. 1995. Wildlife-based tourism in Kenya: Land use conflicts and government compensation policies over protected areas. *Journal of Tourism Studies* 6(2): 45—55.
- Singh, S., Timothy, J. D., & Dowling, K. R. 2003. *Tourism in Destination Communities*. London: CAB International
- Smith, A. J., Scherrer, P., & Dowling, R. 2009. Impacts on Aboriginal spirituality and culture from tourism in the coastal waterways of the Kimberley region, North West Australia. *Journal of Ecotourism* 8: 82-98.
- Smith, L. V. 2001b. Tourism changes and impacts. Dlm. *Hosts and Guests Revisited: Tourism Issues of the 21st*, disunting oleh V. L. Smith and M. Brent. New York: Cognizant.
- Soijah Likin, Nazarudin Zainun, & Sarpan Firmansyah. 2015. Menongkah sebagai pelancongabudaya: Kajian kes Orang Laut, Tembilahan, Indragiti Hilir, Riau. Dlm. *Wacana Warisan, Pelancongan dan Seni dalam Kearifan Tempatan*, disunting oleh Nazarudin Zainun. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sproule, K. W. 1996. Community-based ecotourism development: Identifying partners in the process. *The Ecotourism Equation: Measuring the Impacts*, 233–50.
- Strickland-Munro, J., & Moore, S. 2013. Indigenous involvement and benefits fromtourism in protected areas: A study of Purnululu National Park and Warmun Community, Australia. *J Sustain Tour* 21: 26-41.
- Stronza, A. 2001. Anthropology of tourism: Forging new ground for ecotourism and other alternatives. *Annual Review of Anthropology* 30: 261-284.
- Stronza, A. (2009). Commons management and ecotourism: Ethnographic evidence from the Amazonas. *International Journal of the Commons* 4 (1): 56-77.

- Stronza, A. 2010. Commons management and ecotourism: Ethnographic evidence from the Amazon. *International Journal of the Commons* 4(1): 5677.
- Stronza, A., & Gordillo, J. 2008. Community views on ecotourism. *Annals of Tourism Research* 35(2): 448-468.
- Swain, B. M. 2001. Ethnic doll ethics: Tourism research in Southwest China. Dlm. *Hosts and Guests Revisited: Tourism Issues of the 21st century*, disunting oleh V. L. Smith & M. Brent. United States of America: Cognizant Communication Corporation.
- Thompson, A. 2013. Maori Tourism: A case study of managing indigenous cultural values. Dlm. *Handbook of Cultural Tourism*, disunting oleh M. Smith., & G. Richards. Oxon: Routledge.
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). 2017. *RoyalBelum State Park*. Retrieved from <https://whc.unesco.org/en/tentativelists/6176/>
- Weaver, D. & Oppermann, M. 2000. *Tourism Management*. Milton, Queensland: John Wiley & Sons.
- Whitford, M. M., & Ruhanen, L. M. 2010. Australian indigenous tourism policy: Practical and sustainable policies. *J Sustain Tour* 18: 475-496.
- World Commission on Environment and Development. 1987. *Our Common Future*. United Kingdom: Oxford University Press.
- Zanisah Man., & Yeoh En Ne. 2019. Penyertaan Orang Asli dalam aktiviti eko-pelancongan di Tasik Chini, Pahang, Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space* 15(4): 50-63.
- Zeppel, H. D. 1997. *Ecotourism and Indigenous peoples*. New South Wales: Association of Australia & Charles Sturt University.
- Zeppel, H. D. 2006. *Indigenous Ecotourism: Sustainable Development and Management*. Wallingford: CABI.
- Yew Wong Chin
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
Malaysia
Email: vivienyew@ukm.edu.my
- Saiful Farisin Md Ramlan (Corresponding author)
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
Malaysia
Email: saiful.farisin@gmail.com
- Sia Mal Kong
Faculty of Built Environment,
Tunku Abdul Rahman University of Management and
Technology
53300 Kuala Lumpur
Malaysia
Email: siamk@tarc.edu.my
- Ismail Ibrahim
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
Malaysia
Email: isim7657@gmail.com